

Malaysia menang kerusi Majlis Hak Asasi Manusia PBB



Oleh: JUANI MUNIR ABU BAKAR 15 Oktober 2021, 12:05 am



PETALING JAY : Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merakamkan ucapan tahniah terhadap kejayaan Malaysia kerana memenangi kerusi Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi penggal 2022-2024.

Terdahulu, Malaysia telah memenangi pengundian negara-negara untuk menduduki 1/18 kerusi dengan 183 undian pada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi penggal 2022-2024.

Kejayaan Malaysia itu menduduki kerusi Majlis Hak Asasi Manusia PBB merupakan pencapaian yang hebat dan pengiktirafan kepada status hak asasi manusia.